



**PEJABAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

TEKS UCAPAN

**YB HANNAH YEOH
MENTERI DI JABATAN PERDANA
MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

**MAJLIS PERASMIAN HARI TERBUKA
PUTRAJAYA 2026**

29 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)

**AUDITORIUM TUN AZIZAN ZAINUL ABIDIN
KOMPLEKS PERBADANAN PUTRAJAYA**

(Salutasi akan disediakan)

PENDAHULUAN

Salam sejahtera dan Salam Malaysia
MADANI.

1. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir pada hari ini. Kehadiran tuan-tuan dan puan-puan mencerminkan sokongan berterusan terhadap usaha Kerajaan MADANI untuk memastikan perkhidmatan awam sentiasa dekat, mudah dan relevan kepada rakyat.
2. Hari Terbuka Putrajaya 2026 ialah bukti nyata bahawa perkhidmatan kerajaan tidak lagi berjarak dengan rakyat — ia hadir, boleh diakses, dan memberi manfaat secara langsung.

KERAJAAN MENDEKATI RAKYAT

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

3. Jabatan Wilayah Persekutuan bertanggungjawab melaksanakan perancangan dan pembangunan bagi Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Melalui Hari Terbuka Putrajaya atau Putrajaya Open Day (POD), kita menyediakan satu platform langsung yang merapatkan jurang antara kerajaan dan rakyat.
4. POD kini memasuki edisi kelima penganjurannya, dengan konsep yang jelas iaitu **satu destinasi, pelbagai solusi**. Rakyat boleh berurusan, mendapatkan maklumat dan menikmati perkhidmatan kerajaan dalam satu acara yang menyeluruh dan mesra pengguna.

POD 2026: ACARA BERIMPAK TINGGI

5. POD 2026 menghimpunkan **tiga sambutan utama** dalam satu penganjuran: Sambutan Hari Wilayah Persekutuan, Ulang Tahun ke-30 Perbadanan Putrajaya dan kempen Tahun Melawat Malaysia 2026.
6. Sebanyak **488 pempamer dan vendor** merangkumi kementerian, agensi kerajaan dan sektor swasta disatukan bagi menawarkan perkhidmatan secara terus kepada rakyat.
7. Penganjuran ini selari dengan hala tuju perkhidmatan awam “Mempercepat Pelaksanaan, Memperhebat Reformasi”, dengan fokus kepada kemudahan urusan rakyat.

MANFAAT KEPADA RAKYAT

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

8. Antara objektif utama Hari Terbuka Putrajaya adalah:

- **Merapatkan hubungan kerajaan dan rakyat** melalui interaksi secara langsung;
- **Memudahkan akses kepada perkhidmatan awam** di satu lokasi;
- **Merancakkan ekonomi** tempatan dan komuniti; serta
- Mempromosikan Putrajaya sebagai **bandar pelancongan, rekreasi dan acara.**

9. Dalam Kerajaan MADANI, penyampaian perkhidmatan yang cekap, telus dan berkesan adalah keutamaan. POD menjadi platform praktikal untuk

memastikan dasar diterjemahkan
kepada hasil yang dirasakan rakyat.

KOTA MADANI DAN PUTRAJAYA

10. Putrajaya sebagai pusat pentadbiran negara wajar menjadi contoh terbaik dalam menterjemahkan gagasan Malaysia MADANI. Pembangunan Kota MADANI Putrajaya menekankan bandar yang inklusif, berdaya huni dan mampan dengan kesejahteraan rakyat sebagai teras utama.
11. Sebuah kota yang baik bukan sekadar fizikal dan infrastruktur di mana ia perlu mempunyai jiwa. Rakyat perlu tahu, faham dan mudah mengakses perkhidmatan kerajaan. Di sinilah peranan Hari Terbuka Putrajaya menjadi penting.

PENUTUP

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

12. Hari Terbuka Putrajaya bukan sekadar acara tahunan tetapi simbol kesungguhan Kerajaan MADANI untuk sentiasa **mendengar, mendekati dan berkhidmat kepada rakyat.**
13. Saya merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Jabatan Wilayah Persekutuan, Perbadanan Putrajaya serta semua pihak yang terlibat dalam menjayakan penganjuran ini.
14. Semoga Hari Terbuka Putrajaya 2026 mencapai objektifnya dan terus menjadi platform terbaik dalam memperkukuh hubungan antara kerajaan dan rakyat.

Sekian, terima kasih.